



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

23 JULAI 2022 (SABTU)



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(KPDNHEP)**

23 JULAI 2022 (SABTU)

Harga jualan minyak masak botol mula turun

Penyusutan kepada RM39 sebotol 5kg kesan CPO semasa lebih rendah

Goh Hock Hui, 55, dari Alayawati Radio
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Minyak masak botol lima kilogram (kg) mula dijual pada peringkat peruncit pada harga RM39 berbanding RM45 bulan lalu iaitu pengurangan sebanyak 13 peratus.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, berkata harga jualan itu ditemui ketika sesi turun pandang ke premis pemborong di Sibu, Sarawak, semalam.

Katanya, pengurangan harga sebanyak 13 peratus itu adalah sebagai permulaan, memandangkan unjuran pasaran menunjukkan pola penyusutan harga berikutnya kesan minyak masak rendah (CPO) akan terus berlaku.

"Mengikut simulasi Kemente-

rian Perdagangan Dalam Negeri Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sebelum ini, kadar CPO semasa (RM3,814.50) sepatutnya menyebabkan harga minyak masak botol lima kilogram dipasarkan di peringkat peruncit sekitar RM30.65.

"Bagaimanapun, kesan langsung daripada pola penurunan harga CPO dilihat berlaku amat perlahan," katanya dalam hantaran di laman Facebook miliknya, semalam.

Alexander berkata, penyusutan harga itu ketika ini susulan penurunan harga minyak masak mentah di pasaran sehingga mencecah paras RM3,814 kelebihan.

Katanya, kali terakhir paras rendah sedemikian direkodkan adalah pada Julai 2021, manakala kadar tertinggi menjangka RM8,076 yang dicatatkan pada Mac tahun ini.

"Sehubungan itu, Jawatankuasa Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi memberi penegasan kepada industri supaya sebarang penyusutan harga CPO wajar memberi kesan langsung kepada harga minyak masak botol di peringkat peruncit.

"Jangan ada pihak yang cuba

melengahkan perubahan harga mengikut CPO ini, dengan alasan kerana mahu menghabiskan stok bekalan lama," katanya.

Alexander berkata, berdasarkan libat urus bersama Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC), beliau dimaklumkan bahawa usaha untuk menukar penetapan harga pembelian buah tandan segar (BTS) mengikut mingguan, berbanding bulanan ketika ini giat dijalankan.

Menerusi usaha itu, katanya, sebarang kesan langsung harga dapat dilihat dalam purata seminggu hingga seminggu setengah, berbanding dua hingga dua bulan setengah ketika ini.

"KPDNHEP akan terus mengadakan libat urus, selain menjalin kerjasama dengan pihak kementerian dan agensi berkaitan demi memastikan hak pengguna terjaga serta mengimbangi kepentingan industry," katanya.

Rabu lalu, Alexander dilaporkan berkata, harga minyak masak botol dijangka turun dalam masa terdekat selari dengan pe-

nurunan harga minyak masak mentah dari RM7,000 per tan kepada RM3,600 per tan minggu ini.

Perjasama tangani inflasi

Katanya, strategi dalam menangani inflasi dan kos sara hidup yang dilaksanakan dengan bekerjasama erat bersama Pasukan Khas Jihad Menangani Inflasi juga telah menampakkan hasil terutama berkaitan isu ayam dan telur.

Sementara itu, bercakap selepas melawat sebuah gudang milik syarikat pemborong di Sibu, Alexander berkata, aduan bersifat umum berkaitan isu bekalan mahupun harga barang pengguna tidak membantu KPDNHEP dalam menentukan kestabilan sesuatu isu.

Justeru, beliau mengalau-alau sebarang aduan berkaitan barang pengguna dengan berdasarkan fakta menerusi tujuh saluran yang disediakan bagi membolehkan tindakan dilakukan.

"Biarlah buat aduan berdasarkan fakta. Jangan suka-suka mengatakan ada masalah dan membuat laporan tanpa berfakta, (masalah) tidak berlaku atau (laporan dibuat) secara rambang. Itu tidak membantu dalam si-satuan kami," katanya.



Alexander Nanta Linggi

'Hiba dengar abah suruh kuat semangat'

Ketulusan kasih bapa saudara ketika perbarisan tamat latihan KPDNHEP runtun hati hadirin

Oleh Samadi Ahmad
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: "Saya demam sejak beberapa hari lalu, namun kukan semangat menyertaiinya kerana majlis itu sangat bermakna buat saya, apakah lagi abah dan emak turut hadir," kata Nik Mohamad Adhar Nik Ismail, yang pengsan ketika Perbarisan Tamat Latihan Pembantu Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kelmarin.

Nik Mohamad Adhar, 22, dari Tumpat, Kelantan, berkata beliau tidak menyangka bapa saudaranya, Abdul Aziz Ya'acob, 60, yang dipanggil 'abah' itu sanggup berlari membantunya berdiri semula selepas tumbang buat kali kedua.

Katanya, abahnya sanggup berlari dalam keadaan berkaki ayam semata-mata mahu membantunya bangun ketika upacara perbarisan itu.

"Ketika pitam kali pertama, saya masih boleh bertahan, tetapi selepas kali kedua, abah datang membantu memeluk dari belakang. Ketika itu, fikiran saya menjadi kosong.

"Saya hanya mampu mendengar suara abah menyuruh kuatkan semangat dan berasa hiba seolah-olah mahu menangis ketika itu, namun simpan dalam hati," katanya ketika dihubungi semalam.

Kelmarin, media melaporkan, insiden memperlihatkan ketulusan kasih Abdul Aziz kepada Nik Mohamad Adhar menyentuh

hati hadirin sempena Hari Penguat Kuasa KPDNHEP di Maktab Penjara Kajang.

Beriari tanpa selipar

Abdul Aziz yang juga pemandu teksi dari Tumpat, hadir menyaksikan upacara itu sanggup berlari tanpa selipar semata-mata membantu anak saudaranya yang pitam untuk berdiri semula selepas tumbang buat kali kedua.

Pada majlis itu, Nik Mohamad Adhar turut dianugerahkan perlatih kategori jasmani terbaik di antara 70 pelatih.

Menteri KPDNHEP, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi dan Timbalannya, Datuk Rosol Wahid, yang berada di lokasi turut sebak melihat ketulusan kasih lelaki itu meskipun yang tumbang itu bukan anak kan-dungnya sendiri.

"Nik Mohamad Adhar yang kini bertugas di cawangan Tawau, Sabah, mengakui tersentuh dan sebak, malah perasaan itu dilihat turut memberi kesan



Nik Mohamad Adhar dipeluk Abdul Aziz ketika Perbarisan Tamat Latihan Pembantu Penguatkuasa KPDNHEP di Maktab Penjara Kajang, kelmarin.

(Foto Azhar Ramli/BH)

kepada rakan seangkatannya.

"Abah sangat mengambil berat diri saya. Jika dilakukan protokol tidak dibenarkan, namun kasih sayang abah tiada protokolnya.

"Saya akan mengenang apa yang dilakukan abah semalam (kelmarin) hingga akhir hayat," katanya yang juga anak bongsu daripada empat beradik yang memungap kasih abahnya itu dan emak, Rosmawati Ismail, 53, seorang kakitangan sekolah di Tumpat sejak berumur tiga tahun.

Beliau mengaku membesar sebagai anak yatim piatu, namun nilai kasih sayang diberi-

kan ibu dan bapa saudara yang diambil abah dan mak itu tiada tolok bandingnya.

"Ketika berusia tiga bulan, ibu kandung saya meninggal dunia, diikuti bapa ketika saya berusia tujuh tahun meninggalkan kami untuk selama-lamanya.

"Sejak kecil saya menyimpan impian bekerja dalam pusingan beruniform. Alhamdulillah Allah tunjukkan impian saya menyertai KPDNHEP pada 2020 dan kini tiba masanya saya membalas jasa abah dan mak yang memelihara saya sejak kecil," katanya.



RENTETAN kejadian selepas Nik Mohamad Adhar rebah sebelum Abdul Aziz muncul dan mengangkatnya lalu memeluk anaknya itu di Maktab Penjara Malaysia di Kajang kelmarin.

Kata-kata pembakar 'abah' kepada penguat kuasa KPDNHEP yang rebah akibat pitam

'Bangun, bangun, teruskan semangat'

Oleh RIDZAUDDIN ROSLAN

'PUTRAJAYA — "Ketika istiadat perbarisan, sebanyak tiga kali saya pitam. Kali pertama jatuh dapat bangun semula dan apabila rebah kali dua, abah kemudian datang mengangkat dan memeluk saya sambil membisik kata-kata semangat."

Itu kata penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Nik Mohamad Adhar Nik Ismail, 22, ketika menceritakan semula bagaimana dia rebah dalam perbarisan sempena Hari Penguat Kuasa KPDNHEP di Kajang kelmarin.

Kejadian itu menyentuh perasaan orang ramai apabila satu susuk tubuh warga emas tiba-tiba muncul di tengah-tengah padang kawad dan mengangkat serta memeluk Nik Mohamad Adhar.

Anak kelahiran Tumpat, Kelantan itu menyifatkan bintikan bapa saudaranya yang dianggap sebagai bapa kandung sendiri tatkala memeluknya di padang kawad itu menjadi pembakar semangat untuk terus bertahan.

Katanya, dia bersyukur dengan kasih sayang yang dipamerkan Abdul Aziz Yaacob, 60, sehingga sanggup berpanas terik di lapangan kawad semata-mata mahu memberikan semangat ke-

padanya.

"Sebenarnya, pada hari kejadian, saya tidak sihat kerana demam sejak beberapa hari lalu. Ketika abah memeluk saya, dia mahu saya bangun dan teruskan semangat," katanya kepada Kosmo! semalam.

Nik Mohamad Adhar memberitahu, selepas beberapa minit kemudian, dia pitam buat kali ketiga dan pegawai perubatan bertugas terpaksa membawanya keluar daripada istiadat perbarisan berkenaan.

Ketika ditanya mengenai impian terhadap keluarganya, dia yang kini bertugas di Tawau, Sabah berhasrat untuk membalias

budi kedua-dua orang tuanya meskipun mereka hanya berstatus ibu dan bapa saudara.

"Janji saya tidak akan melupakan keluarga dan akan terus mendoakan agar syurga menjadi milik mereka. Kedua-dua mereka sudah bantu anak yatim seperti saya sejak kecil dan mereka menganggap saya seperti anak sendiri."

"Mereka juga tidak pilih kasih dalam membesarkan kami tujuh beradik, semuanya dilayan sama rata. Moga syurga dan segala kebaikan dikurniakan Allah buat kedua-dua raja dan permalsuri hati saya ini," ujarnya.

Nik Mohamad Adhar adalah

anak yatim piatu yang dijaga oleh Abdul Aziz dan isterinya, Rosmawati Ismail, 53, sejak berusia tiga bulan selepas kematian ibu kandung sebelum bapa kandungnya pulang menghembuskan nafas terakhir ketika dia berusia tujuh tahun.

Kelmarin, perkongsian Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi mengenai kejadian itu mencuri tumpuan umum apabila beliau menyifatkan tindakan Abdul Aziz sebagai cerminan kasih sayang tidak berpenghujung individu bergelar bapa kepada seorang anak.

HARI : SABTU
TARIKH : 23/07/2022
M/SURAT : 3



'Abah bak bapa kandung'

Tindakan Abdul Aziz mengangkat lalu memeluk anak saudaranya yang rebah menyentuh hati ramai orang

Oleh TUAN BUQHAIRAH
 TUAN MUHAMAD ADNAN
 PUTRAJAYA

Sorang penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) yang rebah dalam perbarisan sempena Hari Penguat Kuasa menjelaskan, susuk tubuh tua yang mengangkat dan memeluknya di tengah-tengah padang kawad itu merupakan bapa saudaranya.

Namun, Nik Mohamad Adhar Nik Ismail berkata, bapa saudaranya, Abdul Aziz Ya'acob yang bekerja sebagai permandu teksi sudah dianggap sebagai bapa kandung.

"Abah, bapa saudara saya," katanya kepada *Sinar Harian* pada Khamis.



Rakaman lensa jurukamera memaparkan detik-detik Abdul Aziz membantu Nik Mohamad Adhar yang rebah ketika berkawad sebelum dia memeluknya untuk memberi kata-kata semangat.

Jelasnya, dia merupakan anak yatim piatu dan dijaga oleh Abdul Aziz dan ibu saudara, Rosmawati Ismail, 53, yang dipanggil emak, sejak usia tiga bulan.

"Emak kandung saya meninggalkan dunia ketika saya berusia tiga bulan manakala ayah meninggal sewaktu saya berumur tujuh tahun," ujarnya.

Menurut Nik Mohamad Adhar, meskipun berstatus anak saudara, layanan Abdul Aziz, 60, tidak pernah berbeza dengan enam

anaknya yang lain.

"Dari kecil sampai sekarang, layanannya sama seperti anak sendiri," ujarnya.

Menceritakan detik-detik ketika rebah semasa perbarisan itu, Nik Mohamad Adhar, 22, berkata, dia sebenarnya kurang sihat.

"Semasa abah datang meluru itu, itu kali kedua saya rebah."

"Kali pertama saya masih boleh bangun dan kedua, abah datang," tuturnya.

Nik Mohamad Adhar yang berasal dari Tumpat, Kelantan

dan bertugas di Tawau, Sabah berkata, dia demam sejak tiga hari lalu.

"Pagi tadi pun saya masih demam," katanya yang merupakan anak bongsu daripada empat beradik pada Khamis.

Momen abah Nik Mohamad Adhar yang mengangkat dan memeluknya di Maktab Penjara Kajang itu sempat dirakam juri gambar dan dimuat naik di Facebook Menteri KPDNHEP, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi.

Menyifatkan gambar-gambar tersebut memaparkan kasih sayang seorang bapa yang tidak berbelah bahagi, Alexander berkata, beliau tidak mampu me nahani air mata melihat apa yang berlaku di depan matanya.

"Ketika terkujurnya anak tatkala berkawad, keraha me nahani terik mentari, berlari si ayah menerpa dari arah khemah tetamu.

"Sehingga terlucut sejpar yang disarung, asalkan beliau berada di sisi," kata Alexander.

Kuala Lumpur: "Saya bangga ada ayah seperti yang sanggup berlari membantu saya untuk meneruskan perbarisan itu," kata pegawai penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Nik Mohamad Adhar Nik Ismaili, 22.

Kisah Nik Mohamad Adhar tular di media sosial selepas insiden dia disambut bapa saudaranya ketika rebah pada Majlis Perbarisan dan Kawan Kehormatan Sempena Sambutan Jubli Emas ke-50 dan Tamat Latihan Kursus Asas Sains KPDNHEP di Maktab Penjara Malaysia, Kajang, kelmarin, mendapat banyak reaksi daripada warga net.

Menceritakan semula kejadian itu, Nik Mohamad Adhar berkata, ketika kejadian dia demam sejak 18



NIK Mohamad Adhar (tengah) disambut Abdul Aziz selepas tumbang ketika perbarisan.

Julai lalu namun bertekad menyertai perbarisan dengan rela hati.

Katanya, beliau tetap mahu menyertai perbarisan terbabit kerana ia hari te-

rakhir mereka berkursus 14 hari sejak 1 Julai lalu.

"Selepas satu pusingan kawad, kami berjalan dan rehat sebelum masuk semula (dalam perbarisan). Ketika tetamu kehormat beri ucapan, saya tiba-tiba merasa pitam kerana cuaca panas"

Nik Mohamad Adhar

Ketika tetamu kehormat beri ucapan, saya tiba-tiba merasa pitam kerana cuaca panas.

"Saya terus tumbang namun bangkit semula dalam 30 saat kemudian selepas mendengar kata-kata se-

Bangga ayah saudara bagi sokongan

Selepas satu pusingan kawad, kami berjalan dan rehat sebelum masuk semula (dalam perbarisan). Ketika tetamu kehormat beri ucapan, saya tiba-tiba merasa pitam kerana cuaca panas"

mangat rakan. Namun, beberapa minit kemudian, saya tumbang lagi sekali dan tidak latar bangun.

"Secara tiba-tiba, ayah (bapa saudara) berlari masuk ke padang kawad untuk memapah saya. Ketika memapah saya, ayah sempat bisikkan kata-kata semangat kepada saya supaya terus kekal berdiri," katanya.

Beliau yang bertugas di Kawangan KPDNHEP, Tawau, Sabah, berkata, dia kemudian meminta ayahnya kembali ke khemah tetamu.

"Namun, saya tumbang semula beberapa minit kemudian meminta ayahnya keluar pasukan perubatan.

"Sejujurnya, saya tidak sangka ayah sanggup berlari keluar dari khemah tetamu semata-mata mahu

memberi sokongan kepada saya," katanya.

Menurutnya, dia menganggap bapa saudaranya itu, Abdul Aziz Ya'acob, 60, dan isteri, Rosmawati Ismaili, 53, sebagai ibu bapanya sendiri kerana mereka menjaganya sejak berusia tiga bulan.

"Saya anggap mereka ibu bapa saya sendiri kerana menjaga saya dari kecil. Saya bangga ada ayah seperti yang menyayangi saya sepuhul hati," katanya.

Kelmarin Harian Metro melaporkan seorang bapa saudara memeluk dan me-ni-han badan anak saudaranya yang tumbang pada Majlis Perbarisan dan Kawan Kehormatan Sem-pena Sambutan Jubli Emas ke-50 dan Tamat Latihan Kursus Asas Sains KPDNHEP di Maktab Penjara Malaysia, Kajang, Selangor.

Pelbagai tindakan serta langkah diambil KPDNHEP bagi membendung kegiatan tidak bertanggungjawab ini

Oleh MUHAMMAD AMINNURALIFF
SHAH ALAM

su penyelewengan minyak masak bersubsidi bagaimanapun tidak berkesudahan walaupun pihak berkuasa berusaha keras bagi membanteras masalah tersebut.

Kegiatan penyeludupan terus bermahirajalela kerana keuntungan yang diperolehi sangat lumayan, malah ada ada pihak turut menggunakan taktik menjualnya secara dalam talian.

Tugas berat dalam memastikan isu penyelewengan minyak masak bersubsidi itu terpaksa dipikul oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) yang saban hari menjalankan operasi dalam mengekang kegiatan tersebut berleluasa.

Berkongsi kepada *Sinar Harian*, Pengarah Penguatkuasa KPDNHEP Azman Adam berkata, pihaknya melancarkan Ops ATM bertujuan untuk membanteras dan menggempur aktiviti menjorok barang kawalan terutamanya barang makanan seperti ayam, telur ayam dan minyak masak (ATM).

"Berdasarkan statistik berkaitan periksaan minyak masak bermula 1 Julai hingga 17 Julai 2022, sebanyak 10,484 pemeriksaan telah dilakukan di seluruh negara.

"Daripada jumlah itu, sebanyak 79 kes telah dihasilkan melibatkan jumlah nilai rampasan sebanyak RM2.11 juta, sebanyak 90 aduan juga telah diterima oleh kementerian dalam tempoh yang sama

Perangi penyelewengan minyak masak bersubsidi



KPDNHEP sentiasa tegas dalam usaha membanteras penyelewengan minyak masak bersubsidi.

berkaitan bekalan dan harga minyak masak," katanya baru-baru ini.

KPDNHEP perkasaikan pemeriksaan di premis

Ops ATM dijalankan secara menyeluruh yang mana tidak hanya melibatkan pemeriksaan ke atas pemborong mahlah turut melibatkan premis peniaga.

Langkah ini diambil bagi memastikan tiada ruang untuk kegiatan penyelewangan minyak masak berlaku.

Azman berkata, pemeriksaan dijalankan terhadap premis perniagaan bagi memastikan peniaga tidak mengambil kesempatan dengan mengambil keuntungan secara tidak munasabah (mencatut) ke



Penguat kuasa KPDNHEP membuat pemeriksaan dalam premis di Tanjung Minyak, Melaka.

“

Berdasarkan statistik berkaitan pemeriksaan minyak masak bermula 1 Julai hingga 17 Julai 2022, sebanyak 10,484 pemeriksaan telah dilakukan di seluruh negara.”

- Azman Adam
Pengarah Penguat Kuasa KPDNHEP

atas minyak masak botol.

"KPDNHEP telah menjalankan periksaan ke atas 998 premis bermula 1 Julai 2022 sehingga 17 Julai 2022 di pelbagai peringkat pengedaran minyak masak botol termasuklah pengilang, pemborong dan peruncit.

"Daripada jumlah tersebut sebanyak 57 Notis bertulis telah dikeluarkan terhadap kesalahan yang dikesan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011," katanya.

Jual secara dalam talian

Seiring dengan perkembangan teknologi terkini, kaedah penjualan turut beralih ke arah digital yang menggunakan medium media sosial dan dijual secara berleluasa secara dalam talian.

Azman berkata, statistik pe-

nguatuasaan bermula 1 Julai 2022 sehingga 17 Julai 2022 mencatatkan sebanyak 22 premis dalam talian telah diperiksa serta dipantau.

Menurutnya, pemantauan dijalankan melibatkan penyedia platform tapak pasar dalam talian dalam negara.

"Setakat ini, sebanyak dua kes telah dihasilkan melibatkan nilai rampasan dianggarkan berjumlah RM1,495.50 melibatkan kesalahan menjual minyak masak tanpa lesen yang sah.

"Selain itu juga, sebanyak 77 iklan berkaitan juga telah dinyah turun bagi memastikan aktiviti penyelewangan minyak masak secara dalam talian dibendung sepenuhnya," katanya.

Azman berkata, permintaan yang tinggi daripada pengguna menyebabkan bekalan minyak peket cepat habis di pasaran.

Menurutnya, kerajaan telah memperuntukkan 60,000 tan metrik minyak masak paket bersubsidi kepada pengilang sebelum diaghikah kepada pembungkus dan pemborong pada setiap bulan.

"Hari pertama atau kedua pada setiap bulan, pembungkus atau pemborong mula mendapatkan kuota dari kilang dan selepas itu mereka akan mula membuat penjualan."

"Sebenarnya kekurangan bekalan minyak peket ini bukan isu pembelian panik, tetapi disebabkan permintaan sangat tinggi kerana perbezaan subsidi kerajaan dengan yang tidak subsidi."

"Kuota minyak masak subsidi yang ditanggung oleh kerajaan ini dijual dengan harga sangat rendah iaitu RM2.50 sebab itu mendapat permintaan tinggi daripada pengguna," katanya.

Tindakan tegas terhadap mana-mana pihak terlibat

KPDNHEP sama sekali tidak berkompromi terhadap mana-mana individu atau pihak yang terlibat dalam kegiatan penyelewengan minyak masak bersubsidi ini.

Menurut Azman, semua pihak termasuk peniaga diingatkan agar mematuhi perundungan khususnya berkaitan minyak masak bersubsidi tersebut.

Menurutnya, ia bagi mengelakkan mereka dikenakan tindakan tegas di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 dan Akta Kawalan Harga dan Antipencututan 2011.

"Manakala orang yang melakukan kesalahan yang berkaitan boleh diambil tindakan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 dan jika disabitkan boleh didenda tidak lebih RM1,000,000 manakala bagi kesalahan berikutnya tidak melebihi RM3,000,000 bagi orang perseorangan atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau keduanya sekali."

"Manakala bagi syarikat sekiranya sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM2,000,000 manakala bagi kesalahan berikutnya tidak melebihi RM5,000,000," katanya.

Selain kegiatan penyelewengan, terdapat segelintir pihak yang dikesan menjual minyak masak bersubsidi itu melebihi

harga yang ditetapkan.

Azman berkata, peniaga yang dikesan mengambil kesempatan dengan mengambil keuntungan secara tidak munasabah juga boleh dikenakan tindakan tegas di bawah Seksyen 14(1), Akta Kawalan Harga dan Antipencututan 2011 (AKHAP 2011).

"Jika sabit kesalahan, boleh didenda sehingga RM500,000 bagi perbadanan/syarikat dan sehingga RM100,000 bagi individu atau diperpanjang selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya."

"Bukan itu sahaja melainan pihak berkuasa juga boleh disiasat di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA 2001) (Akta 613)."

"Tindakan ini membantah kesalahan pengubahan wang haram bagi tujuan mengejar, membeku, menyita serta ke peringkat perlucutanah ke atas apa-apa hasil pendapatan atau harta yang diana daripada aktiviti haram penyeleweng barang kawalan bersubsidi terutamanya berkaitan minyak masak," katanya.

Menurut Azman, KPDNHEP kini sedang menumpukan perhatian kepada isu ketirisan minyak masak bersubsidi membatasi pihak tertentu.

Beliau memberitahu, penyaludupan berlaku kerana terdapat permintaan yang tinggi selain ada pihak cuba mengambil keuntungan.

"KPDNHEP juga sedang berusaha melaksanakan naziran dan audit bagi memastikan fiada peluang penyaludupan bahan mentah ini."

"Kita sudah memberi amaran akan mengambil tindakan yang lebih tegas dengan membatalkan lesen, menggantung lesen dan siasatan di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram (AMLA)," katanya.

Tambah beliau, pihak kementerian juga serius menanganai masalah berkenaan dengan melaksanakan operasi di sempadan bersama agensi lain termasuk Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) selain rangkaian serta sistem berkaitan minyak masak bersubsidi dapat melaksanakan naziran,



Antara minyak masak yang disita oleh KPDNHEP dalam serbuan di Taman Sentosa, Klang.

Peniaga yang mempunyai sebarang maklumat berkaitan aktiviti penyelewengan minyak masak bersubsidi dapat menyuruh maklumat menerusi saluran berikut:
WhatsApp: 019-279 4317, 019-848 8000 | Portofolion: e-aduan.kpdnhep.gov.my
Call Centre: 1 800 885 800 | Email: e.aduan@kpdnhep.gov.my | E: ADU KPDNHEP

BINGKISAN BERITA BERKAITAN MINYAK MASAK

13 Disember 2021

PEMBORONG SELEWENG MINYAK MASAK

PUTRAJAYA - Sebuah syarikat pemborong barang kawalan berlesen di Rawang, Selangor, dikesan melakukan aktiviti penyeleweng minyak masak bersubsidi susulan penemuan 8,500 kilogram (kg) minyak subsidi peket 1kg dalam serbuan di premisnya.

Pengarah Penguot Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Azmar Adam berkata, syarikat tersebut disyaki mengaburi piyah berkusahaan dengan menggunakan premisnya sebagai tempat melakukan aktiviti penyeleweng minyak masak bersubsidi peket 1kg yang dipindahkan ke dalam bekas

minyak masak industri sebelum dipasarkan.

Serbuan pada jam 2 petang itu meremukkan dua unit tangki berkapasiti 250 tan metrik yang bersambung berisi keseluruhan 19,120kg minyak masak, sisanya plastik minyak masak bersubsidi peket 1kg yang telah digunting, peralatan untuk pemindahan minyak masak bersubsidi ke dalam tangki industri dengan nilai sisaan dianggarkan kira-kira RM203,750.

Siasatan awal mendapati kegiatan itu telah berlangsung hampir sembilan bulan, iaitu sejak syarikat tersebut mendapat lesen borong pada Mac lalu.

26 Mei 2022

KPDNHEP MINTA PENGGUNA BUAT LAPORAN

SANDAKAN - Pengguna di Sabah terutama di pantai timur, diminta menyuruh kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) jika berlaku penyeleweng dalam penjualan minyak masak.

Menyertai, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, biarpun pihak penggunaan KPDNHEP menjalankan siasatan secara berterusan, maklumat daripada masyarakat juga berguna dalam membanteras

penyeleweng itu.

"Mungkin ada penyeleweng (minyak masak) berlaku yang kami tidak tahu, jadi kami berharap ada kerjasama dari semua pihak."

"Jangan takut sebab kami ada pelbagai saluran untuk aduan dan maklum balas yang boleh sampai ke pihak kami (kementerian), katanya selepas meninjau harga dan bekalan barang Skim Harga Maksimum Muslim Perayaan (SHMMP) Kaamatian 2022," katanya.

4 Julai 2022

MINYAK MASAK PEKET DIJUAL ONLINE DIRAMPAS

PUTRAJAYA - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memrampas 255 kilogram (kg) minyak masak peket polibeg bersubsidi di sebuah premis di Petaling Jaya dalam serbuan pada Jumaat lalu.

Pengarah Penguot Kuasa KPDNHEP, Azmar Adam berkata, serbuan dilakukan merupakan operasi membanteras aktiviti penjualan minyak masak secara dalam talian me-

lalui platform e-dagang terkenal dalam negara.

Hasil permeriksaan lanjut mendapat hanya barang kawalan minyak masak peket 1 kilogram (kg) dimulung.

Premis juga gagal mengemukakan sebarang dokumen kebenaran di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 daripada pengawal bekalan untuk berurus niaga dengan barang kawalan berjadual berkenaan.

18 Julai 2022

PENIAGA JUAL MINYAK MASAK PEKET RM3.50

MELAKA - Seorang peniaga kedai runcit di Tanjung Miryak di sini dikesan menjual minyak masak peket bersubsidi dengan harga RM3.50 dalam operasi dijalankan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Melaka pada Isnin.

Dalam operasi pada jam 11 pagi itu, penguot kuasa membuat permeriksaan secara mengejut dan mendapat kedai runcit terbabit menjual lebih 50 peket minyak masak subsidi melebihi harga kawalan iaitu RM2.50

bagi 1 kilogram (kg).

Pengaruhnya, Norena Jaafar berkata, premis itu turut didapati memberi keutamaan penjualan minyak peket kepada peniaga di sekitar kawasan itu.

Menurutnya, perbuatan peniaga itu boleh diambil tindakan mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961 atas kesalahan menjual barang kawalan melebihi harga yang ditetapkan kerajaan.

Individu terbabit bakal berdedana sebanyak sehingga RM1juta atau penjara tidak melebihi tiga tahun.

HARI : SABTU
TARIKH : 23/07/2022
M/SURAT : 1



Harga minyak masak botol susut

Susulan penurunan harga minyak masak mentah di pasaran sehingga mencecah paras RM3,814 pada Rabu

Oleh MUKHRIZ MAT HUSIN
SHAH ALAM

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memaklumkan bahawa harga minyak masak botol di peringkat peruncit mula merekodkan penurunan.

Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, ia susulan penurunan harga minyak masak mentah (CPO) di pasaran sehingga mencecah paras RM3,814 pada Rabu.

"Kalif terakhir paras rendah sebegini direkodkan adalah pada Julai 2021 manakala kadar tertinggi menjangkau RM8.076 dicatatkan pada Mac tahun ini," katanya menerusi siaran di Facebook rasminya pada Jumaat.

Beliau berkata, mengikut simulasi KPDNHEP sebelum ini, kadar CPO semasa (RM3,814.50) sepatutnya menyebabkan harga minyak masak botol 5 kilogram (kg) dipasarkan di peringkat



ALEXANDER

peruncit sekitar RM30.65.

Menurut Alexander, refleksi (pantulan) atau kesan langsung daripada pola penurunan harga CPO dilihat berlaku amat perlahan.

"Sehubungan itu, Jawatankuasa Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi memberi penegasan kepada industri supaya sebarang penurunan harga CPO wajar memberi kesan langsung kepada harga minyak masak botol di peringkat peruncit.

"Jangan ada pihak yang cuba melengahkan perubahan harga mengikut CPO ini dengan alasan kerana nak menghabiskan stok bekalan lama," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, KPDNHEP akan terus mengadakan libat urus selain menjalin kerjasama dengan pihak terlibat, kementerian dan agensi berkaitan demi memastikan hak pengguna terjaga serta mengimbangi kepentingan industri.

"Berdasarkan libat urus bersama Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC), saya dimaklumkan bahawa usaha menukar penetapan harga pembelian buah tandan segar (BTS) mengikut mingguan berbanding bulanan ketika ini giat dijalankan.

"Menerusi usaha ini, sebarang kesan langsung harga dapat dilihat dalam purata seminggu hingga seminggu setengah berbanding dua hingga dua bulan setengah sekarang," katanya.

Warga asing seludup minyak masak

Mereka cuba seludup minyak masak peket satu kilogram (kg) guna kenderaan persendirian

Oleh NURUL HIDAYAH HAMID
ALOR SETAR

Terdapat pemandu kereta warga asing dikejar cuba menyeludup minyak masak peket satu kilogram (kg) secara kecil-kecilan menggunakan kenderaan persendirian dari Malaysia ke negara jiran.

Abd Rahman Abd Aziz yang Menangung Tugas-Tugas (MTT) Pengarah Kastam Kedah berkata, modus operandi menyeludup minyak masak peket secara kecil-kecilan itu bagaimanapun dikesan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM).

Abd Rahman memberitahu, minyak masak peket tanpa sebarang permit itu diletakkan bersama barang-barang lain

dalam but kereta untuk mengaburi pegawai kastam yang bertugas.

"Bagaimanapun, Cawangan Pemeriksaan Penumpang JKDM Bukit Kayu Hitam berjaya menggagalkan beberapa kes cubaan menyeludup minyak masak peket ke negara jiran itu sejak Julai lepas.

"Setakat ini, jumlah minyak masak peket yang telah berjaya dirampas adalah sebanyak 54 pek," katanya dalam satu kenyataan pada Jumaat.

Beliau menegaskan minyak masak peket diklasifikasikan sebagai dagangan larangan eksport di bawah Butiran 3, Jadual Kedua, Perintah Kastam (Larangan Mengenai Eksport) 2017.

"Ia memerlukan permit daripada Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan Jadual Kedua Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan (Larangan Eksport) (Pindaan) 2022 yang berkuatkuasa pada 9 Julai 2022," katanya.

Sehubungan itu, Abd Rahman berkata, orang ramai digesa membantu pihak JKDM memerangi jenayah penyeludupan khususnya rokok, minuman keras, mèrcun, dadah, kenderaan dan lain-lain.



Minyak masak peket dikategorikan sebagai dagangan larangan untuk dieksport.

KPDNHEP Selangor dengan bantuan CPSK PGK Bukit Aman melakukan serbuan ke atas sebuah premis di Kampung Baru Subang dan merampas minyak diesel berjumlah lebih 100,000 liter dengan nilai melebihi RM200,000.



Oleh Mohd Jamilul
Anbia Md Denin
anbia@hmetro.com.my

Putrajaya

Tidak hanya mengutip diesel subsidi dari stesen minyak, malah sindiket penyelewengan diesel subsidi turut dikesan memperoleh bekalan diesel subsidi dari jeti-jeti nelayan di Selangor.

Sumber berkata, risikan mendapati wujud ketirisan apabila diesel bersubsidi untuk sektor perikanan turut dijual kepada sindiket tertentu sebelum ia dipasarkan untuk kegunaan industri pada harga lebih tinggi.

Menurutnya, sindiket yang sebelum ini dikesan gemar membeli dan mengumpulkan diesel dari stesen mi-

KERJA ORANG DALAM

Sindiket seleweng diesel subsidi dikesan peroleh bekalan dari jeti nelayan

nyak sekitar Negeri Sembilan akan menghantar diesel itu ke stor rahsia di Subang Jaya, Selangor.

"Ini termasuklah diesel subsidi yang diperoleh dari jeti-jeti nelayan yang dipercaiyal membabitkan kerja orang dalam".

"Risikan masih dilakukan bagi mengesan dalam sebenar termasuk pihak nelayan yang bersekongkol dengan kegiatan penyelewengan diesel subsidi."

Difahamkan nelayan diberi bantuan subsidi diesel dan petrol dengan harga

RM1.65 bagi menampung sebahagian kos pengoperasian penangkapan ikan.

Dianggarkan tiga juta liter kuota bagi subsidi minyak diesel sebulan dan 15 juta liter kuota bagi subsidi petrol sebulan diberikan kerajaan kepada golongan ini.

Terbaru Selasa lalu, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Se-

langor menahan lapan lelaki tempatan termasuk seorang warga Bangladesh yang disyaki terbabit dalam penyelewengan diesel bersubsidi bernilai lebih RM200,000.

Pengarah Penguatan Kuasa KPDNHEP Azman Adam berkata, pihaknya bekerjasama dengan Gabungan Perisikan dan Siasatan Khas (CPSK) Pasukan Gerak Khas (PGK) Bukit

Aman bagi melakukan serbuan ke atas sebuah premis di Kampung Baru Subang, Selangor jam 11 malam.

Beliau berkata, hasil serbuan itu, minyak diesel berjumlah lebih 100,000 liter dengan nilai melebihi RM200,000 disita manakala empat lori tangki, dua kereta dan beberapa barang lain dirampas menjadikan nilai keseluruhan RM1.7 juta.

"Siasatan awal mendapati premis dan pelaku yang dijumpai di lokasi kejadian tidak mempunyai sebarang lesen, permit atau surat kebenaran daripada pengawal bekalan bagi berurusan dengan barang kawalan berjadual," menurutnya.

Azman berkata, siasatan akan dijalankan mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961.

Beliau berkata, KPDNHEP Selangor akan terus komited membanters aktiviti penyeleweng dan ketirisan barang kawalan dan subsidi melalui kerjasama strategik agensi penguatkuasaan lain bagi memastikan keberadaan bekalan barang tersebut di pasaran dapat dinikmati pengguna di Selangor.

Risikan masih dilakukan bagi mengesan dalam sebenar
 Sumber

Kosmo!

SUARA KONTEMPORARI

HARI : **SABTU**
TARIKH : **23/07/2022**
M/SURAT : **16**



Senarai Harga Barang Keperluan

Ayam	RM7.89	Telur Gred A	RM12.90	Gula Pasir	RM2.85
Daging Lembu Tempatan	RM44.29	Ikan Kembung	RM8.90	Bawang Besar Holland	RM2.50
Daging Lembu Import	RM25.99	Minyak Masak	RM6.70	Bawang Putih	RMS
				Cili Merah	RM15
				Kubis Bulat Tempatan	RM3.20
				Tepung Gandum	RM2.60

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP